

DATE: 17 / 08 / 2007

Empat teras kemajuan negara berkesan: PM

BH- 17/8/2007

Pendekatan Cara Malaysia tingkat kestabilan ekonomi, politik

Oleh Amirullah Andi Nur dan Azli Ayob

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata kejayaan Malaysia menjadi negara aman dan makmur hasil usaha berhati-hati serta pragmatik kerajaan membangunkannya dengan berpaksikan kepada empat teras utama, sejak mencapai kemerdekaan.

Menyifatkan pendekatan itu sebagai 'Cara Malaysia', Perdana Menteri berkata, empat teras terbabit ialah kestabilan politik, membuat keputusan secara pragmatik, fokus kepada pembinaan kapasiti dan penyelarasan pelaksanaan.

Katanya, beliau juga bangga dengan pelbagai kemajuan yang dicapai negara sejak 50 tahun lalu kerana ia adalah hasil kewibawaan semua pemimpin terdahulu dan didokong oleh kerjasama daripada rakyat.

"Berbanding negara membangun lain yang masih bergelut isu asas kemiskinan dan kesihatan awam selain perang dan konflik sepanjang tempoh itu, Malaysia sebaliknya terus dipacu menuju kegemilangan.

"Pengalaman dan kejayaan negara seperti yang kita nikmati pada hari ini, pada fikiran saya berteraskan empat prinsip ini adalah hasil da-

ripada pelaksanaan pendekatan pembangunan mengikut acuan Cara Malaysia," katanya dalam ucap utama bertajuk 'Pembangunan Malaysia Sejak Merdeka dan Aspirasi Negara' pada Seminar Pengalaman Pembangunan Malaysia Selama 50 Tahun, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Program sehari dan disertai kira-kira 500 peserta itu, dianjurkan Unit Perancang Ekonomi (EPU), di Jabatan Perdana Menteri. Hadir sama Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan dan Ketua Pengarah EPU, Datuk Dr Sulaiman Mahbob.

Pada majlis berkenaan, Perdana Menteri turut melancarkan buku bersempena ulang tahun ke-50 negara terbitan EPU, berjudul *Econo-*

“Empat prinsip ini hasil pelaksanaan pendekatan pembangunan mengikut acuan Cara Malaysia”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

mic Planning Unit: 50 Years of Charting Malaysia's Development.

Menghuraikan satu persatu empat prinsip yang menjadi teras kepada pendekatan 'Cara Malaysia', Abdullah berkata, kestabilan politik di negara ini dibina atas asas perkongsian kuasa, kompromi serta toleransi.

Katanya, negara juga tidak pernah mempunyai ideologi mengenai pembangunan, tetapi sentiasa berpandukan kepada membuat keputusan secara pragmatik, dan melaksanakan pelbagai strategi bersesuaian dengan keperluan pada masa itu.

Beliau memberi contoh, dalam Rancangan Malaya Pertama dan Kedua serta Tanah Melayu Malaysia Pertama (RMK-1), tumpuan menjurus kepada pembangunan sebaik berdepan dengan keadaan harga getah dan timah yang tidak menentu.

"Walaupun dalam RMK-1, agihan tidak sama rata dikenal pasti sebagai satu isu, usaha membasmi kemiskinan hanya dilaksanakan kerajaan dalam RMK-2. Dalam RMK-4 dan RMK-5, kerajaan lebih menumpukan pada perindustrian serta menarik pelaburan asing," katanya.

Namun, katanya, pendekatan kemuncak dalam meliberalisasikan dan pembatalan kawal selia pada akhir 1980-an, membolehkan negara

mencatat peningkatan dalam pelaburan langsung asing (FDI) pada era pertengahan 1990-an.

Beliau berkata, pada awal krisis kewangan 1997, negara mempamerkan semangat juang tinggi dalam menghadapi bahang itu, biarpun pembuat dasar melaksanakan kawalan modal bertentangan dengan arahan IMF (Tabung Mata Wang Antarabangsa) serta pendapat global.

"Namun begitu, sebelum memasuki abad baru, pakar ekonomi arus perdana mengubah pendapat mereka dan mengiktiraf kejayaan Malaysia bertindak balas dalam menghadapi krisis itu," katanya.

Mengenai pembinaan kapasiti, Perdana Menteri berkata, kerajaan melabur dalam rangkaian komprehensif bagi infrastruktur kelas pertama dengan pembiayaan bagi pendidikan secara konsisten melebihi 20 peratus bajet tahunan negara.

Katanya, tumpuan pada infrastruktur dan modal insan ini memberikan dividen tinggi kepada negara sekali gus akan terus menjadi tunggak bagi kejayaan di masa depan.

Bagi prinsip penyelarasan pelaksanaan, Abdullah berkata ia dapat dijayakan kerjasama dengan sektor swasta melalui konsep pensyarikatan Malaysia dan perkongsian pintar.